

# SENI UNTUK BANTU KUMPUL DANA



## Persembahkan Orkestra Konsert Diraja Filharmonik UK di Dewan Filharmonik Petronas

**ORKESTRA** Konsert Diraja Filharmonik UK yang pernah bekerjasama dengan ramai bintang tersohor antarabangsa akan membuat persembahan di Dewan Filharmonik Petronas, KLCC pada 31 Oktober depan dibawakan khas oleh Toyota Classics.

Toyota Classics merupakan satu acara muzik untuk kebajikan yang dibawakan oleh UMW Toyota Motor dan Toyota Motor Corporation sejak 1990.

Orkestra bertaraf dunia ini pernah mengiringi Andrea Bocelli, Jose Carreras dan mendiang Luciano Pavarotti sehinggalah kepada ikon budaya popular seperti Liza Minnelli dan Sting.

Konduktornya, Anthony Weeden dikenali

kerana gaya muziknya yang pelbagai dan melangkaui sempadan kebiasaan, pernah menerima anugerah melalui kerjanya termasuk skor filem *Theory of Everything* oleh Johann Johannsson, pemenang anugerah Golden Globe bagi skor asli yang turut dicalonkan bagi anugerah Oscar.

Pemain violin solo, David Juritz turut dikenali melalui rakaman *Vivaldi Four Seasons* yang telah menerima pujian pengkritik sebagai satu daripada interpretasi terbaik terhadap lagu paling kerap dirakam.

Acara ini dijangka menjadi tarikan dalam kalendar kebudayaan setiap Oktober di Malaysia. Ia bertujuan mengumpul dana untuk kegunaan program pembangunan belia dan akan diserahkan kepada Jabatan

Muzik, Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka).

UPM bermatlamat membantu belia melalui muzik sebagai wadah kesihatan mental yang lebih baik. Kumpulan sasaran bagi program ini ialah siswa-siswa UPM, belia dengan kecenderungan tekanan jiwa, masalah keresahan dan tabiat anti-sosial.

Peka selaku organisasi perlindungan alam sekitar yang ditubuhkan pada 2010 telah menjalankan pelbagai aktiviti berkaitan program penanaman semula serta bengkel kesedaran alam sekitar.

"UMW Toyota Motor dengan kerjasama Toyota Motor Corporation Jepun secara berterusan membawa pelbagai

persembahan orkestra dari seluruh negara lebih daripada 25 tahun, sebagai hidangan muzik terbaik untuk pelanggan dan peminatnya di Malaysia.

"Lebih penting, hanya sebahagian sahaja kos yang terlibat dan pada masa sama menyumbang kepada projek masyarakat," jelas Timbalan Pengerusi UMW Toyota Motor, Akio Takeyama.

Bagi Presiden, Ravindran Kurusamy, UMW Toyota Motor memberi sokongan kepada 65 organisasi kebajikan dan NGO dengan jumlah lebih daripada RM8 juta setakat ini dan akan meneruskannya.

Tiket Toyota Classics dijual pada harga bermula RM106 mulai 29 Ogos 2017 di Box Office, Dewan Filharmonik Petronas.